

26/06/2002

PM dirayu perjelas secara terbuka

MUAR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dirayu memberi penjelasan secara terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia berhubung hasratnya bersara daripada semua jawatan parti dan kerajaan.

Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah, berkata seluruh perwakilan Perhimpunan Agung Umno yang dipengerusikannya baru-baru ini, menolak sebulat suara hasrat Dr Mahathir untuk bersara.

"Ketika perhimpunan Umno baru-baru ini, ahli Umno menunjukkan mereka tidak dapat menerima keputusan dan hasrat Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan. Mereka sebulat suara menolak hasrat beliau.

"Itu adalah keputusan perhimpunan. Malah, Dr Mahathir sendiri bersetuju menerima kehendak perwakilan Umno, tetapi hari ini, kita dikejutkan pula dengan pengumuman beliau berhasrat meletak jawatannya selepas Oktober tahun depan.

"Saya percaya ahli Umno sukar menerima keputusan ini seperti yang dibuktikan pada perhimpunan baru-baru ini. Sepanjang tempoh sehingga Oktober depan, kalau ahli Umno mendesak, mungkin beliau akan menukar fikirannya," katanya ketika dihubungi, petang ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Majlis Tertinggi (MT) Umno mengenai kedudukan Perdana Menteri selepas mesyuarat khas yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, petang ini.

Sulaiman berkata, jika keputusan Dr Mahathir itu muktamad, ahli Umno dan rakyat wajar menerima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya tetapi Dr Mahathir wajar memberi penjelasan dan alasan persaraannya kepada seluruh rakyat Malaysia.

(END)